



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

## SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

### **MOSTI MENYERAHKAN SATU UNIT KUBIKEL SARINGAN COVID-19 KEPADA PUSAT KESIHATAN DAERAH PUTRAJAYA**

---

**PUTRAJAYA, 13 MEI 2020** - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini menyerahkan satu unit Kubikel Saringan COVID-19 (*COVID-19 Screening Booth* - CSB) yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan bagi membendung penularan wabak COVID-19 kepada Pusat Kesihatan Daerah Putrajaya.

Kubikel Saringan COVID-19 berkenaan merupakan salah satu daripada lapan (8) unit kubikel saringan yang dibangunkan pada Fasa Pertama untuk ditempatkan di hospital serta pusat kesihatan daerah terpilih di seluruh negara. CSB dibangunkan bertujuan untuk meminimumkan penggunaan pakaian perlindungan diri (PPE) serta meminimumkan kontak antara petugas kesihatan dengan pesakit bagi mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 kepada barisan hadapan.

Kubikel di Pusat Kesihatan Daerah Putrajaya ini dibangunkan oleh Syarikat iDeria Sdn. Bhd, anak syarikat Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan ia merupakan hasil usaha sama antara MOSTI, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan peruntukan dana

daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Inisiatif ini juga dijayakan secara bersama oleh Pusat Nanoteknologi Kebangsaan dan syarikat NanoMalaysia Berhad. Penyerahan disempurnakan oleh YB Tuan Haji Ahmad Amzad Hashim, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Kubikel saringan COVID-19 dilengkapi ruang bertekanan positif dengan sistem penapis HEPA bagi petugas kesihatan, permukaan dinding dengan salutan nano anti-viral serta ruang pemisah antara pesakit dengan petugas kesihatan. Kubikel saringan ini boleh digunakan sama ada di dalam atau luar bangunan. Saiz kubikel yang kecil ini membolehkannya untuk diletakkan di klinik kesihatan dan pusat kuarantin yang mempunyai kawasan yang terhad. Sistem *walk-through* membenarkan diagnosis dan sejarah penyakit direkodkan tanpa memerlukan kontak secara fizikal antara petugas kesihatan dengan pesakit.

Adalah menjadi harapan MOSTI agar Kubikel Saringan COVID-19 yang dibangunkan ini dapat dimanfaatkan oleh masyarakat setempat dan dapat membantu petugas kesihatan dalam melaksanakan saringan wabak COVID-19 dengan lebih mudah, pantas dan selesa agar negara kita dapat bersama-sama memerangi penularan wabak COVID-19.

**# TAMAT #**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

13 Mei 2020